

*Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 27/10/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 20*

Angkasa kemuka empat permintaan

Kuantan: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengharapkan Bajet 2018 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini akan membawa khabar-khabar gembira buat sektor koperasi.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pertubuhan itu sendiri sebelum ini mengemukakan empat perkara semasa rundingan bajet dengan Perdana Menteri dalam pertengahan tahun ini.

"Kita mencadangkan empat perkara iaitu meminta supaya kerajaan menambah peruntukan Tabung Modal Pusingan yang biasa diberi antara RM50 dan RM100 juta ditambah kepada RM500 juga setahun.

Kedua kita cadangkan menaikkan had minimum modal saham yang diberi pelepasan cukai daripada RM750,000 kepada RM1.5 juta selain kadar cukai korporat dikurangkan daripada 24 peratus kepada 21 peratus dan item perbelanjaan Mesyuarat

Agung Tahunan boleh diambil kira untuk penolakan dalam cukai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Hal Tuju Koperasi Orang Asli peringkat negeri Pahang di sini, semalam.

Katanya, sekiranya kerajaan dapat meluluskan permohonan itu akan dapat memberi manfaat kepada anggota koperasi yang selama ini banyak menyumbang untuk meningkat ekonomi negara.
– BERNAMA

Perpustakaan Koperasi
Malaysia